

Headline	Program Sifar Sampah, EEC didik hargai alam sekitar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	18,19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	160 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,188



Program Sifar Sampah, EEC didik hargai alam sekitar

? INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dilihat sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran hijau.

Justeru, sebagai pengunjung yang sering menjalankan aktiviti riadah, saya melihat masih ada sampah di kebanyakan tempat berpunca sikap segelintir pengunjung yang tidak bertanggungjawab. Tindakan pengunjung ini boleh mencemarkan imej FRIM pada mata pengunjung atau pelancong umpama pepatah 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga'. Saya ingin tahu apakah langkah FRIM untuk mengatasi masalah ini.

**PENGUNJUNG SUKA
KEBERSIHAN,**
Kepong.



MERUJUK persoalan yang dikemukakan Pengunjung Suka Kebersihan, ingin dimaklumkan Pengurusan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sentiasa menjalankan pelbagai program bagi menggalakkan kesedaran orang ramai untuk menghargai hutan

dan kehijauan alam sekitar.

Dari aspek meningkatkan kesedaran orang ramai supaya menjaga kebersihan alam sekitar, FRIM menubuhkan Pusat Pendidikan Alam Sekitar (EEC) tahun lalu yang bertujuan memberi perkhidmatan berteraskan pendidikan alam sekitar kepada

orang awam terutama kanak-kanak.

Menerusi penubuhan EEC, ia dapat memupuk minat mendekati alam semula jadi serta menyedari kepentingan hutan dan sumbernya.

Kita juga memperkenalkan Program Sifar Sampah untuk menggalakkan pengunjung membawa bekas sendiri seperti bekas makanan.

Jadi, ia dapat mengelakkan pengunjung membuang sampah merata-rata.

Hasil program ini dan kesedaran orang ramai menunjukkan usaha menjaga alam sekitar semakin meningkat sehingga 80 peratus.

**DATUK ABDUL
LATIF MOHMOD,**
*Ketua Pengarah
FRIM.*